



Majlis Dato' Dato' Negeri Pulau Pinang
(The Council of Dato' Dato' , State of Penang)

Alamat Rasmi Pejabat :
d/a J.L. Ong & Associates
Suite I, 123-J Jalan Utama
10450 Penang

Tel : 04-2292018
Fax : 04-2284337
E-mail : jlong@streamyx.com

TABUNG DERMA KEBAJIKAN
MAJLIS DATO' DATO' NEGERI PULAU PINANG

8 Ogos 2012

Kepada semua ahli Majlis Dato' Dato' Negeri Pulau Pinang

YBhg. Tan Sri / Dato' Seri / Dato'

RAYUAN UNTUK KUTIPAN DERMA BAGI TABUNG 'PROSTHESIS'

Dimaklumkan bahawa Majlis Pengurusan dalam Mesyuarat Pengurusan Majlis pada 23 Julai 2012 telah meluluskan penubuhan Tabung 'Prosthesis'. Majlis Pengurusan juga meluluskan wang pendahuluan sejumlah RM 50,000.00 bagi maksud yang mulia ini sementara mengutip derma daripada ahli-ahli Majlis.

Satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh YBhg.Dato' Hj Abdul Rafique Bin Abdul Karim dengan ahli-ahlinya Dato' Dr Bhupinder Singh dan Pakar Pemulihan Rehabilitasi Hospital Pulau Pinang telah ditubuhkan untuk memilih 14 orang pesakit yang kurang berkemampuan serta layak menerima 'prosthesis' (kaki palsu) daripada Majlis.

Majlis penyampaian kaki palsu telah disempurnakan oleh Penaung Majlis, TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dr. Abdul Rahman Abbas kepada 14 orang pesakit bernilai RM46,200.00 telah dibuat pada 23 Julai 2012. Acara yang sungguh bermakna ini telah mendapat, liputan meluas dalam media massa sepertimana keratan akhbar yang dilampirkan.

Bagi pihak Jawatankuasa Pengurusan, saya dengan rendah dirinya merayu kepada semua ahli Majlis dan syarikat-syarikat korporat yang berkaitan untuk menderma dengan murah hati terhadap Tabung ini.

Sila hantar derma berbentuk cek atas nama "Tabung Derma Kebajikan Majlis Dato' Dato' Negeri Pulau Pinang" bersama-sama borang yang dilampirkan (lengkap dengan butir-butir YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Dato') kepada pejabat Majlis d/a JL Ong & Associates, Suite I, 123-J Jalan Utama, 10450 Pulau Pinang sebelum 31 Disember 2012.

Semua derma terhadap Tabung ini akan diberi resit Pengecualian Cukai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

DATO' MARKEND D JOSHI
Presiden

**TABUNG DERMA KEBAJIKAN
MAJLIS DATO' DATO' NEGERI PULAU PINANG**

SLIP JAWAPAN

Derma kepada Tabung Prothesis

J.L. Ong & Associates
Bendahari & Setiausaha Eksekutif
Majlis Dato' Dato' Negeri Pulau Pinang
Suite I, 123-J Jalan Utama
10450 Pulau Pinang

Melalui Fax No: 04 – 228 4337 & Pos

Saya, Tan Sri/Dato' Seri/Dato'

bersetuju menderma RM..... kepada Tabung Prothesis.

Bersama-sama ini saya sertakan cek No:bernilai RMatas
nama "Tabung Derma Kebajikan Majlis Dato' Dato' Negeri Pulau Pinang".

Sila keluarkan resit atas nama

ALAMAT:

No. Telefon.....No. FaxTel.bimbit.....

Tarikh: